

DINAMIKA MOTIVASI INTRINSIK DALAM PEMBENTUKAN LITERASI AL-QURAN DEWASA: KAJIAN ANDRAGOGI ISLAM DI DAR AL-QARI

The Dynamics of Intrinsic Motivation in the Development of Adult
Quranic Literacy: An Islamic Andragogical Study at Dar al-Qari

Zainora Daud^{*1} & Muhammad Faiez Idzmer Shuhaimi²

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia [ORCID ID [0000-0002-1252-2645](https://orcid.org/0000-0002-1252-2645)]

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: zainora@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2026-1101-08>

Article history

Received: 23/02/2026

Revised: 17/05/2026

Accepted: 25/05/2026

Published: 30/06/2026

Abstrak

Literasi al-Quran merupakan asas dalam pembinaan peribadi Muslim secara holistik. Bahkan ia merangkumi dari aspek kebolehan tilawah secara bertajwid, pemahaman makna, tadabbur dan penerapan nilai al-Quran dalam kehidupan. Manakala motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan literasi al-Quran. Motivasi terbahagi kepada dua iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan motivasi intrinsik dalam pembentukan literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa di Dar al-Qari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kes melibatkan 11 orang peserta dewasa berumur antara 27 hingga 74 tahun yang dipilih secara persampelan bertujuan. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen, kemudian dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi intrinsik berfungsi sebagai pemacu utama kesinambungan pembelajaran al-Quran. Tiga tema utama dikenal pasti, iaitu niat ibadah dan tanggungjawab fardu ain, rasa sakinah dan kepuasan spiritual, serta pembelajaran al-Quran sebagai rawatan psikospiritual. Kesemua informan menegaskan bahawa dorongan utama mereka adalah mencapai keredaan Allah SWT, bukan ganjaran luaran. Rasa ketenangan yang dialami semasa tilawah bertindak sebagai ganjaran dalaman yang memperkukuh istiqamah, manakala sebahagian peserta memanfaatkan pembelajaran al-Quran sebagai mekanisme *religious coping* dalam mengurus keresahan dan tekanan emosi. Dapatan turut menunjukkan bahawa motivasi intrinsik memberi kesan langsung terhadap peningkatan penguasaan makhraj dan tajwid, konsistensi *muraja'ah*, pencarian makna ayat (*tafahhum*) serta perubahan tingkah laku dan amalan seharian (*tathbiq*). Kesimpulannya, program andragogi al-Quran dewasa perlu diberi penekanan terhadap pengukuhan nilai kerohanian dan sokongan psikospiritual bagi memastikan pembangunan literasi yang holistik dan lestari.

Kata Kunci: Andragogi Islam, Literasi Al-Quran, Motivasi Intrinsik, Pembelajaran Dewasa, *Self-Determination Theory*

Abstract

Quranic literacy forms the foundation of holistic Muslim personality development, encompassing proficient tajwid recitation, comprehension of meanings, deep reflection, and the internalization of Quranic values in daily life. Motivation plays a pivotal role in fostering this literacy, categorized into intrinsic and extrinsic types. Accordingly, this study explores the role of intrinsic motivation in the development of Quranic literacy among adult learners at Dar al-Qari. Employing a qualitative case study design, the research involved 11 adult participants aged between 27 and 74 years, selected through purposive sampling. Data were collected via semi-structured interviews, and document analysis, and subsequently analysed using thematic analysis. The findings reveal that intrinsic motivation functions as the primary driver sustaining Quranic learning among adults. Three dominant themes emerged: intention and the sense of individual religious obligation, spiritual tranquillity and inner satisfaction and Quranic learning as a form of psycho-spiritual healing. All participants emphasized that their primary motivation was to attain the pleasure of Allah rather than external rewards. The sense of tranquillity experienced during recitation served as an internal reinforcement that strengthened persistence and long-term commitment. Some participants also utilised Quranic learning as a religious coping mechanism to manage anxiety and emotional distress. The study further demonstrates that intrinsic motivation contributes directly to improved mastery of makhraj and tajwid, consistent revision, deeper engagement with meaning, and observable behavioural transformation. In conclusion, adult Quranic andragogy programs should prioritize spiritual value reinforcement and psycho-spiritual support to ensure holistic and sustainable literacy development.

Keywords: Adult Learning, Intrinsic Motivation, Islamic Andragogy, Quranic Literacy, Self-Determination Theory

PENGENALAN

Dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari, literasi al-Quran semakin dilihat sebagai keperluan sepanjang hayat, bukan terhad kepada kanak-kanak dan remaja semata-mata (Kadir et.al., 2016). Literasi al-Quran merujuk kepada keupayaan individu membaca al-Quran dengan sebutan dan hukum tajwid yang betul, di samping memahami makna asas, konteks dan nilai yang terkandung serta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian (Nurkholifah, 2024). Sejajar dengan takrifan tersebut, pencapaian literasi al-Quran tidak berlaku secara automatik, bahkan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Literatur menunjukkan bahawa pencapaian literasi al-Quran bukan sahaja bergantung kepada kaedah pengajaran dan bahan, tetapi sangat dipengaruhi oleh faktor motivasi khususnya dalam kalangan pelajar dewasa (Ridzwan et al., 2025). Dalam menghuraikan faktor motivasi tersebut, psikologi pendidikan lazimnya membahagikan motivasi kepada dua kategori utama iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik; motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman seperti minat, keseronokan, rasa tanggungjawab agama dan keinginan mendekatkan diri kepada Allah, manakala motivasi ekstrinsik berpunca daripada faktor luar seperti ganjaran sosial, sokongan guru, rakan sebaya, fasiliti yang kondusif dan pengiktirafan (Ryan & Deci, 2000).

Bahkan realiti masyarakat Muslim di Malaysia memperlihatkan peningkatan kesedaran terhadap kepentingan literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa. Pelbagai institusi dan inisiatif seperti kelas komuniti, program masjid serta pusat khusus untuk dewasa telah muncul bagi menangani keperluan meningkatkan tahap literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa (Abdul Hamid et al., 2025). Antara institusi yang memainkan peranan signifikan ialah Dar al-Qari. Institusi ini beriltizam menyediakan prasarana pembelajaran al-Quran kepada golongan dewasa di mana ia merupakan contoh penting usaha terancang untuk melahirkan masyarakat celik al-Quran melalui pendekatan yang sistematik dan mesra dewasa (Yayasan RI, 2023). Seiring dengan pendekatan tersebut, teori dan prinsip andragogi menegaskan bahawa orang dewasa cenderung

terlibat secara aktif apabila mereka melihat kaitan langsung antara pembelajaran dan keperluan hidup, matlamat rohani serta peranan sosial mereka (Knowles et al., 2015).

Walaupun wujudnya inisiatif-inisiatif sebegini, statistik dan literatur terkini menunjukkan tahap literasi al-Quran dalam kalangan masyarakat Muslim dewasa masih berada pada tahap yang memerlukan intervensi berterusan. Sebagai contoh, Wan et al. (2024) melaporkan bahawa kelemahan dalam melafazkan makhraj dan sifat huruf masih berlaku secara meluas dalam kalangan warga dewasa di pusat-pusat pengajian, sekali gus menunjukkan wujudnya isu ketidakkonsistenan dalam kelestarian pembelajaran.

Namun begitu, tinjauan terhadap literatur lepas mendapati majoriti wacana pendidikan al-Quran lebih tertumpu kepada penilaian faktor luaran (ekstrinsik) seperti keberkesanan fasiliti, metodologi pengajaran, dan teknik bacaan berbanding meneliti pendorong dalaman diri pelajar. Selain itu, kepincangan turut berlaku apabila pendekatan pengajaran dewasa sering disamakan dengan pedagogi kanak-kanak. Walhal, teori dan prinsip andragogi menegaskan bahawa orang dewasa cenderung terlibat secara aktif apabila mereka melihat kaitan langsung antara pembelajaran dan keperluan hidup, matlamat rohani, serta peranan sosial mereka.

Oleh yang demikian, kekurangan kajian empirikal yang menyelami bagaimana kelestarian literasi ini digerakkan oleh elemen motivasi intrinsik seperti niat ibadah dan keperluan penyembuhan psikospiritual (*healing*) merupakan satu kelompangan kajian yang ketara. Justeru, memahami bagaimana motivasi intrinsik berfungsi dalam persekitaran andragogi seperti di Dar al-Qari amat penting. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan meneroka secara mendalam peranan motivasi intrinsik dalam pembentukan literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa di Dar al-Qari.

SOROTAN KAJIAN TERDAHULU

Definisi Literasi Al-Quran

Literasi al-Quran dalam konteks pendidikan dewasa didefinisikan secara holistik. Ia bukan sahaja melibatkan kemahiran teknikal membaca al-Quran dari segi makhraj dan tajwid sahaja, tetapi ia juga melibatkan pemahaman terhadap kandungan al-Quran, memahami maknanya, dan meletakkan nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan seseorang (Habibah Ayob et al., 2024). Menurut Rijan et al. (2024), tahap literasi ini boleh dibahagikan kepada tiga dimensi yang berbeza. Literasi asas ialah keupayaan membaca dengan betul; literasi kefahaman ialah keupayaan untuk memahami makna dan konteks; dan literasi penghayatan ialah keupayaan untuk mengambil kira isi kandungan al-Quran.

Dalam konteks Malaysia, literasi al-Quran kebiasaannya ditakrifkan secara berperingkat, iaitu bermula dengan kebolehan mengenal huruf *hijaiyyah*, membaca dengan bertajwid, seterusnya memahami tafsir asas, dan akhirnya mampu menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup (Rijan et al., 2024). Definisi ini adalah selaras dengan metodologi pendidikan Islam yang menekankan aspek tilawah, *tafahhum* (pemahaman), dan *tathbiq* (pengamalan).

Konsep Motivasi dalam Islam

Motivasi secara umum merujuk kepada daya penggerak dalaman (*motivus*) di sebalik tingkah laku seseorang, merangkumi elemen seperti keinginan, keperluan, matlamat, tekanan sosial, dan nilai (Pauzi et al., 2020; Britannica, 2025). Individu yang bermotivasi mampu mengekalkan fokus dan konsistensi dalam mencapai matlamat yang diinginkan. Kesemua elemen ini berperanan dalam membentuk kecenderungan seseorang untuk bertindak, menetapkan keutamaan, serta menentukan tahap usaha dalam mencapai sesuatu hasil yang diinginkan. Individu yang mempunyai motivasi mampu mengekalkan fokus dan konsistensi dalam mencapai matlamat dalam setiap perkara yang dilakukan.

Dalam perspektif Islam, motivasi merangkumi dorongan rohani (intrinsik) dan jasmani (ekstrinsik) dalam melakukan kebaikan dan mencapai keseimbangan tujuan duniawi dan ukhrawi. Islam memberikan panduan motivasi melalui konsep ikhlas, takwa, tawakal, dan syukur (Khair et al., 2013). Menurut Khair et al (2013) juga, motivasi tertinggi seorang Muslim adalah mencapai keredaan Allah, menjadikan setiap usaha duniawi sebagai ibadah.

Dorongan motivasi ini diterapkan dalam setiap aspek kehidupan, sama ada pendidikan, pekerjaan, ataupun hubungan sosial. Setiap individu digalakkan untuk menggabungkan usaha duniawi dengan ketundukan dan ketaatan kepada Allah, bersesuaian dengan petunjuk ayat al-Quran dan hadis yang menyokong keutamaan berusaha dan tawakal dalam setiap perkara yang dilakukan.

Konsep motivasi dalam pendidikan Islam mempunyai perbezaan paradigma jika dibandingkan dengan kerangka teori psikologi Barat. Sebagai contoh, Teori Penentuan Kendiri (SDT) oleh Ryan dan Deci (2000) memfokuskan pemenuhan motivasi intrinsik kepada keperluan psikologi asas iaitu autonomi, kompetensi, dan hubungan sosial semata-mata. Walau bagaimanapun, kerangka epistemologi Islam meluaskan dimensi ini. Menurut Zulkifli Khair et al. (2013), motivasi tertinggi seorang Muslim bukanlah terhenti pada keseronokan peribadi, sebaliknya pada pencapaian keredaan Allah yang menjadikan setiap usaha duniawi sebagai ibadah.

Kerangka Teori Penentuan Kendiri

Teori Penentuan Kendiri (SDT) oleh Ryan dan Deci (2000) adalah kerangka utama yang digunakan dalam kajian ini. SDT mengklasifikasikan motivasi kepada dua jenis utama:

- a) Motivasi Intrinsik ialah merujuk kepada dorongan dalaman yang timbul daripada kepuasan peribadi dan keseronokan.
- b) Motivasi Ekstrinsik pula merujuk kepada dorongan luaran seperti ganjaran, pengiktirafan, tekanan sosial atau kehendak keluarga.

Teori ini menekankan bahawa setiap orang mempunyai keinginan semula jadi untuk belajar dan berkembang, dan keadaan sosial-konteks di sekelilingnya mempunyai kesan yang besar terhadap tahap motivasi ini. Menurut SDT, terdapat tiga keperluan asas psikologi yang mesti dipenuhi untuk membina motivasi yang berkesan iaitu:

- a) Autonomi: merujuk kepada kebebasan dalam mengawal tindakan mereka sendiri.
- b) Kompetensi: merujuk kepada perasaan keberkesanan dan kebolehcapaian dalam melakukan sesuatu aktiviti.
- c) Hubungan sosial: merujuk kepada keperluan untuk berinteraksi dan merasa dihargai oleh orang lain.

Ryan dan Deci (2020) menegaskan bahawa apabila ketiga-tiga faktor ini dipenuhi, motivasi intrinsik akan berkembang, sekali gus mendorong individu menunjukkan prestasi dan komitmen pembelajaran yang lebih tinggi. Sebagai contoh, Sheldon (2013) menyifatkan SDT sebagai “sebuah teori bersepadu tentang motivasi optimum, kesihatan dan kesejahteraan” yang menjelaskan bagaimana kepuasan terhadap psikologi asas dapat meningkatkan motivasi serta kesejahteraan individu.

Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman yang timbul daripada kepuasan peribadi dan keseronokan (Ryan & Deci, 2000). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, ia lebih tertumpu kepada keperluan penghargaan terhadap diri sendiri. Dorongan dalaman merupakan kecenderungan seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas kerana tugas itu sendiri

memberikan kepuasan dan keseronokan. Tambahan pula, orientasi motivasi ini berbeza mengikut demografi pelajar. Kajian oleh Nik et al. (2021) menunjukkan bahawa motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar tahfiz banyak dipengaruhi oleh keperluan komitmen menghafaz al-Quran dan persekitaran akademik. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang bermotivasi intrinsik lebih cenderung untuk berusaha gigih dalam mencapai matlamat pembelajaran mereka.

Sebaliknya, bagi golongan dewasa, kajian terkini oleh Ridzwan et al. (2025) menegaskan bahawa sikap, kesedaran fardu ain, dan dorongan rohani lebih mendominasi proses pembelajaran mereka. Perbandingan ini membuktikan bahawa pendekatan andragogi Islam menuntut penggabungan yang unik antara kebebasan pengalaman hidup dewasa dengan dorongan kerohanian murni untuk mencapai literasi al-Quran yang komprehensif.

Motivasi intrinsik terhasil secara semula jadi melalui rangsangan dari dalam diri. Ia merangkumi minat dan dorongan individu untuk melakukan sesuatu aktiviti tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Namun begitu, tidak semua motivasi intrinsik berkembang secara semula jadi. Hal ini kerana wujudnya bentuk motivasi intrinsik yang terbina melalui pengalaman pembelajaran yang membawa kepada kepuasan.

Teori Andragogi

Pembelajaran dewasa difahami melalui Teori Andragogi oleh Knowles (1984), yang membezakan asasnya daripada pedagogi kanak-kanak. Pelajar dewasa memerlukan tujuan yang jelas sebelum memberi komitmen. Knowles (1984) juga menjelaskan bahawa pelajar dewasa perlu mengetahui tujuan pembelajaran sebelum mereka memberikan komitmen di dalam prosesnya. Beliau juga menegaskan bahawa pelajar dewasa mempunyai empat ciri berikut: (i) belajar berdasarkan pengalaman sebelumnya, (ii) mempunyai keinginan yang kuat untuk belajar, (iii) berani dan suka berdikari, dan (iv) mempunyai tujuan pembelajaran yang jelas dan spesifik.

Prinsip ini sangat bertepatan dengan falsafah pendidikan Islam, yang menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman, akhlak, dan iman (Susanto et al., 2024). Menurut John Dewey (1997), pengalaman hidup yang luas dalam kalangan warga dewasa menjadi sumber utama yang dibawa ke dalam sesi pembelajaran dan ianya digunakan untuk membantu dalam proses menyesuaikan ilmu dengan realiti kehidupan. Maka, boleh dikatakan bahawa prinsip ini amatlah sepadan dengan keadaan pelajar Muslim dewasa di Malaysia, yang kebanyakannya menghadiri kelas al-Quran kerana kesedaran rohani dan keinginan sendiri, bukannya paksaan. Hal ini membuktikan bahawa pelajar dewasa mempunyai keinginan yang kuat untuk belajar. Oleh itu, andragogi dalam Islam boleh disimpulkan sebagai pendekatan yang menggabungkan motivasi rohani, pengalaman hidup, keperluan praktikal, dan kebebasan belajar (belajar sendiri).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes di Dar al-Qari, Kuala Lumpur, sebuah institusi yang memberi tumpuan kepada pendidikan al-Quran dewasa dengan pendekatan andragogi Islam. Seramai 11 orang pelajar warga dewasa dipilih secara persampelan bertujuan bagi memastikan kepelbagaian latar belakang umur, pekerjaan dan tahap penguasaan bacaan. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian partisipatif dalam kelas serta analisis dokumen pengajaran. Analisis dilakukan secara tematik dengan mengenal pasti pola berulang berkaitan pengalaman motivasi dan proses pembelajaran.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan jadual 1 tentang demografi informan menunjukkan bahawa seramai 11 orang warga dewasa telah ditemu bual dalam kajian ini, terdiri daripada lima lelaki (P1–P5) dan enam

perempuan (P6–P11). Julat umur peserta adalah antara 27 hingga 74 tahun, yang menggambarkan kepelbagaian fasa kehidupan, daripada dewasa muda hingga warga emas.

Secara keseluruhan, semua peserta mempunyai latar belakang pendidikan formal bukan aliran agama, dan asas pembelajaran al-Quran mereka bermula pada zaman kanak-kanak sama ada di sekolah agama, melalui pembelajaran sendiri, atau melalui bimbingan ahli keluarga seperti datuk. Sebahagian besar peserta datang daripada latar belakang kerjaya sektor kerajaan (seperti tentera, jabatan kerajaan dan badan berkanun), sektor swasta dan institusi kewangan seperti bank, dengan sebahagiannya kini merupakan pesara.

Dari sudut naratif, profil ini menunjukkan bahawa majoriti peserta bukan produk sistem pendidikan agama formal yang berterusan, tetapi mempunyai pendedahan awal kepada al-Quran yang kemudiannya terputus atau tidak berkembang secara sistematik sepanjang tempoh kerjaya. Penglibatan semula mereka dalam pembelajaran al-Quran di Dar al-Qari pada usia dewasa dan usia emas memperlihatkan keinginan untuk memperbaiki literasi al-Quran berasaskan gabungan pengalaman hidup, kesedaran agama, dan situasi selepas bersara.

Jadual 1: Demografi dan Pengalaman Pembelajaran al-Quran Sedia Ada Peserta di Dar al-Qari

Peserta	Umur(tahun)	Tempoh di Dar al-Qari	Pengalaman Mengaji Semasa Kecil	Tahap literasi asas semasa mula masuk DQ
P1	69	1–2 tahun	Mengaji sendiri, tiada pendidikan formal	Boleh mengaji asas tetapi terputus lama; lemah tajwid dan kelancaran
P2	56	1–2 tahun	Sekolah agama masa kanak-kanak	Boleh membaca al-Quran, tetapi tidak yakin dan bacaan kurang lancar
P3	74	1–2 tahun	Sekolah agama masa kanak-kanak dan mengaji dengan datuk, kemudian masuk sek.inggeris, lama tinggal	Masih kenal huruf dan kurang mahir membaca, tetapi banyak kesilapan tajwid, namun kurang yakin membaca di hadapan orang
P4	72	1–2 tahun	Mengaji sendiri, belajar di surau tempat kediaman	Boleh membaca, namun sering tersangkut dan tidak konsisten membaca
P5	66	1–2 tahun	Asas mengaji zaman kanak-kanak	Perlu kembali kepada asas; bacaan perlahan dan kurang teratur
P6	71	1–2 tahun	Asas mengaji ketika kecil	Boleh membaca tetapi bermasalah pada sebutan dan hukum tajwid
P7	57	1–2 tahun	Pernah belajar di sekolah agama, belajar secara online	Boleh membaca al-Quran, tetapi mahu perbaki lagi tajwid dan <i>waqaf ibtida'</i>
P8	27	1–2 tahun	Belajar mengaji zaman sekolah	Boleh membaca, tetapi kurang mantap; mencari bimbingan sistematik
P9	62	3-4 tahun	Belajar mengaji di zaman sekolah rendah	Boleh membaca tetapi kurang mahir berkaitan hukum tajwid
P10	46	Kurang 1 tahun	Mengaji secara formal di sekolah	Bacaan asas ada, boleh membaca tetapi ingin dalami lagi tajwid, waqaf ibtida',
P11	52	2-3 tahun	Mengaji secara formal di sekolah	Boleh membaca, tetapi ingin memperbaiki kelancaran dan sebutan

Analisis ini dijalankan berasaskan pendekatan kajian kes kualitatif dengan menggunakan analisis tematik (*thematic analysis*) bagi mengenal pasti pola makna yang timbul daripada data temu bual separa berstruktur.

Niat (*Niyyah*) dan Tanggungjawab Fardu Ain sebagai Pemacu Utama

Analisis tematik terhadap transkrip temu bual mengenal pasti tema “Niat Ibadah dan Tanggungjawab Fardu Ain” sebagai tema dominan di bawah konstruk motivasi intrinsik dalam kalangan peserta dewasa di Dar al-Qari. Tema ini menunjukkan bahawa peserta memaknai pembelajaran al-Quran sebagai pemenuhan tuntutan agama yang bersifat fardu ain di samping medium pengukuhan hubungan rohani dengan Allah SWT, selari dengan dapatan kajian motivasi

religius dalam konteks pendidikan Islam yang menegaskan peranan kewajipan agama dalam memperkukuh penglibatan pembelajaran (Ali et al., 2017).

Dalam konteks kajian ini, terdapat konsensus menyeluruh dalam kalangan kesemua 11 informan (100%) yang menegaskan bahawa faktor ibadah dan tanggungjawab keagamaan menjadi pendorong utama penglibatan mereka, mengatasi motivasi luaran seperti sijil, pengiktirafan sosial atau ganjaran material. Penemuan ini mengukuhkan konsep motivasi *ilabiyah* sebagai sumber dorongan yang paling stabil dan lestari, sejajar dengan perbincangan tentang *intrinsic religious motivation* yang menekankan bahawa orientasi beragama yang berasaskan carian makna dan keredaan Tuhan menghasilkan komitmen yang lebih kukuh berbanding orientasi berasaskan status sosial atau tekanan kumpulan (Hardy et al., 2022; Ryan & Deci, 2000). Naratif informan memperincikan lagi tema ini. Informan P3 menegaskan:

“Bila umur dah lanjut, kita tak kejar dunia lagi. Kita kejar amalan yang betul. Bacaan yang betul itu ibadah, dan ibadah yang ikhlas itu hanya kerana Allah.” (P3)

Petikan ini menunjukkan satu pola penyelarasan nilai yang jelas antara aktiviti pembelajaran al-Quran dengan matlamat kerohanian dan persediaan menghadapi akhirat, selari dengan perbincangan tentang peranan takwa dan ikhlas dalam pembinaan personaliti Muslim dewasa (Selamat et al., 2021).

Dari sudut teori, dapatan ini boleh dihuraikan menggunakan kerangka *Self-Determination Theory* (SDT) oleh Ryan dan Deci (2000), yang menjelaskan bahawa motivasi yang paling berkualiti berlaku apabila nilai aktiviti diinternalisasi dan diintegrasikan ke dalam struktur sendiri individu. Dalam kerangka SDT, keadaan ini digambarkan sebagai *integrated regulation*, iaitu tahap di mana nilai agama dan matlamat ibadah telah disepadukan dengan identiti diri sehingga amalan tidak lagi didorong oleh kawalan luaran (*external regulation*) atau tekanan dalaman seperti rasa bersalah semata-mata (*introjected regulation*), tetapi oleh keselarasan antara tindakan dengan nilai sendiri (Ryan & Deci, 2000).

Beberapa penulis yang mengaplikasikan SDT dalam konteks keagamaan turut menegaskan bahawa apabila autoriti agama dan amalan ibadah disampaikan dengan cara yang menyokong autonomi, individu lebih cenderung menginternalisasi ajaran tersebut dan menjadikannya sebahagian daripada nilai serta identiti rohani mereka (Brambilla & Assor, 2020; Hardy et al., 2022). Dalam konteks Islam, keadaan ini hampir dengan konsep ikhlas dan takwa, di mana amalan dilakukan semata-mata kerana Allah dengan kesedaran penuh dan pilihan yang sedar, bukan kerana tekanan luar (Selamat et al., 2021).

Secara keseluruhannya, gabungan dapatan empirikal kajian kes ini dengan sorotan literatur menunjukkan bahawa niat (*Niyah*) dan tanggungjawab fardu ain bukan sahaja bertindak sebagai pemacu utama motivasi intrinsik dalam pembelajaran al-Quran, malah seiring dengan proses internalisasi nilai yang digariskan oleh SDT dan diperincikan dalam wacana psikologi Islam kontemporari. Dengan itu, pembelajaran al-Quran dalam kalangan warga dewasa dapat difahami sebagai manifestasi identiti Muslim yang berilmu, beramal dan berorientasikan kerohanian jangka panjang.

Rasa Ketenangan (*Sakinah*) dan Kepuasan Spiritual

Analisis tematik terhadap data temu bual menunjukkan bahawa tema “Rasa Ketenangan (*Sakinah*) dan Kepuasan Spiritual” muncul sebagai salah satu elemen utama dalam konstruk motivasi intrinsik. Tema ini mencerminkan dimensi emosi dan spiritual yang dialami oleh peserta semasa proses pembelajaran al-Quran, khususnya ketika berinteraksi dengan teks suci melalui tilawah dan tadabbur. Rasa tenang (*sakinah*) yang dialami menjadi bentuk maklum balas dalaman (*internal feedback*) yang memperkukuhkan komitmen serta mengukuhkan pencapaian spiritual sebagai ganjaran intrinsik.

1. Pengalaman Emosi dan Kepuasan Rohani

Sebahagian besar informan menggambarkan bahawa ketenangan batin yang dirasakan selepas tilawah berperanan sebagai mekanisme peneguhan diri yang berterusan. Hal ini menzahirkan fungsi emosi positif dalam mengekalkan motivasi pembelajaran tanpa keperluan ganjaran luaran. Informan 7 misalnya, menyatakan:

“Kepuasan bukan bila guru puji bacaan kita, tapi bila kita dapat habiskan bacaan dengan betul dan rasa jiwa kita ni tenang. Macam satu terapi untuk stres harian.” (P7)

Pernyataan ini menunjukkan wujudnya hubungan antara pencapaian spiritual dan kesejahteraan emosi, yang berfungsi sebagai bentuk ganjaran intrinsik seiring dengan konsep “*Satisfaction*” dalam Model ARCS (Keller, 1987). Rasa sakinah yang tercapai bukan sahaja menghasilkan kepuasan rohani, bahkan meningkatkan keyakinan diri (*confidence*) terhadap kemampuan membaca dan memahami al-Quran dengan lebih baik. Kesedaran ini menjadi faktor yang memperkukuh ketekunan jangka panjang (*long-term persistence*) dalam pembelajaran.

2. Keseimbangan antara Niat Ibadah dan Ketenteraman Diri

Analisis tema menunjukkan bahawa kesemua 11 informan menegaskan niat ibadah sebagai motivasi utama untuk terus belajar al-Quran. Walaupun aspek spiritual seperti sakinah hadir sebagai ganjaran rohani, punca asalnya tetap berpaksikan keikhlasan beribadah dan kesedaran fardu ain. Informan P9 menyebut:

“Dorongan datang dari dalam. Saya sedar ini fardu ain, saya perlu perbaiki bacaan sebelum bertemu Allah. Itu niat nombor satu.” (P9)

Manakala Informan P4 menambah dimensi sosial dalam pengalaman motivasi ini dengan menyatakan:

“Saya nak jadi contoh untuk cucu-cucu. Macam mana saya nak ajar mereka kalau bacaan saya sendiri pun tak betul? Rasa tanggungjawab itu yang kuat.” (P4)

Naratif ini mencerminkan pola keseimbangan tematik antara tanggungjawab diri sebagai Muslim (*personal religious obligation*) dan aspirasi sosial sebagai role model. Kedua-dua bentuk kesedaran ini mendorong informan untuk mencapai kepuasan spiritual melalui pembelajaran yang berpaksikan nilai keagamaan dan penghayatan diri.

3. Interpretasi Teoretikal Berdasarkan SDT

Dapatan ini menyokong kerangka Teori Penentuan Kendiri (SDT) dengan menunjukkan bahawa motivasi intrinsik dalam konteks pembelajaran al-Quran telah mencapai tahap regulasi bersepadu (*integrated regulation*). Pada tahap ini, nilai dan matlamat keagamaan telah sepenuhnya diinternalisasi menjadi sebahagian daripada identiti sendiri (*self-identity*) pelajar dewasa. Pembelajaran al-Quran tidak lagi dilihat sebagai kewajipan yang dikenakan secara luaran, tetapi sebagai ekspresi diri yang berasaskan iman dan keikhlasan.

Kehadiran rasa sakinah dan kepuasan spiritual menunjukkan keberkesanan dimensi autonomi dan keterkaitan (*autonomy and relatedness*) yang digariskan oleh SDT. Peserta merasakan kebebasan rohani dalam menunaikan ibadah melalui pembelajaran, dan hubungan yang mendalam dengan Allah SWT menjadi sumber kekuatan serta keseimbangan emosi yang berpanjangan.

Secara keseluruhannya, tema ini memperkukuh kesimpulan bahawa niat ibadah dan kepuasan spiritual merupakan dua dimensi saling melengkapi dalam struktur motivasi intrinsik pembelajaran al-Quran. Dapatan ini menegaskan bahawa intervensi pedagogi bagi golongan dewasa perlu memberi penumpuan kepada pengukuhan nilai keagamaan serta pembentukan

suasana pembelajaran yang dapat menyuburkan sakinah dan kesejahteraan batin sebagai strategi pembangunan motivasi berterusan.

Pembelajaran al-Quran sebagai Rawatan dan *Healing* Psikospiritual

Analisis tematik turut mengenal pasti satu subtema penting di bawah konstruk motivasi intrinsik, iaitu “Pembelajaran al-Quran sebagai Rawatan dan *Healing* Psikospiritual”. Subtema ini muncul khusus dalam kalangan informan yang mempunyai latar belakang gangguan kesihatan mental, seperti simptom halusinasi (Informan P9) dan gangguan keresahan (*anxiety*) (P10) yang kronik (Informan P11). Kedua-dua informan menstrukturkan penglibatan mereka dalam pengajian al-Quran bukan sahaja sebagai pemenuhan tuntutan fardu ain, tetapi juga sebagai satu bentuk rawatan dalaman untuk menstabilkan emosi, menenangkan fikiran dan mengurus simptom psikologi.

Dapatan ini selari dengan sorotan literatur yang menunjukkan bahawa bacaan dan pendengaran ayat-ayat al-Quran mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap pengurangan tahap keresahan, stres dan kemurungan, serta diiktiraf sebagai intervensi bukan farmakologi yang mudah, murah dan praktikal dalam sokongan kesihatan mental (Khadijeh Moulahi et al., 2023; Che et al., 2022). Kajian tinjauan skop juga melaporkan bahawa bacaan dan dengar al-Quran berkait dengan peningkatan kualiti hidup, kualiti tidur dan kesejahteraan psikososial dalam kalangan Muslim di pelbagai konteks (Che et al., 2022).

Dalam konteks kajian ini, Informan P9 yang mempunyai sejarah simptom halusinasi menjelaskan bagaimana pengajian al-Quran berfungsi sebagai bentuk rawatan rohani harian:

“Dulu fikiran saya selalu kacau, macam ada suara yang mengganggu. Bila saya mula datang kelas dan baca al-Quran dengan bimbingan ustaz, saya rasa kepala lebih ringan, gangguan itu kurang. Saya rasa al-Quran ni macam ubat untuk jiwa saya.”(P9)

Petikan ini menggambarkan bagaimana tilawah yang teratur dan berpandukan guru difahami oleh informan sebagai “ubat jiwa”, sekaligus memperlihatkan pengintegrasian fungsi ibadah dengan fungsi terapeutik. Hal ini seiring dengan dapatan kajian yang menghuraikan kesan al-Quran terhadap kestabilan fisiologi dan emosi, termasuk penurunan tanda-tanda fisiologi stres serta peningkatan rasa tenang dalam kalangan pesakit yang mendengar bacaan al-Quran secara berkala (Khadijeh Moulahi et al., 2023; Che et al., 2022).

Sementara itu, Informan P10 yang didiagnosis dengan gangguan keresahan (*anxiety*) menegaskan bahawa pembelajaran al-Quran menjadi mekanisme utama untuk mengurus serangan cemas:

“Saya ada masalah anxiety, kadang-kadang susah nak tidur, jantung berdebar. Bila saya fokus belajar tajwid dan ulang tilawah, terutama waktu malam, hati jadi lebih tenang. Saya rasa lebih terkawal, kurang sangat serangan cemas tu.” (P10)

Naratif ini menunjukkan peranan pembelajaran al-Quran sebagai strategi *religious coping* yang aktif, di mana informan menggunakan amalan ibadah berasaskan al-Quran untuk mengurus gejala fisiologi dan kognitif yang berkaitan dengan keresahan. Dapatan ini konsisten dengan literatur yang menunjukkan bahawa amalan keagamaan seperti bacaan al-Quran, zikir dan doa mempunyai hubungan positif dengan daya tindak agama (*religious coping*) dan kesejahteraan psikologi yang lebih baik (Adam & Ward, 2016; Analyn & Norshidah, 2025).

Dari sudut teori, subtema ini dapat dirangkaikan dengan kerangka *Self-Determination Theory* (SDT) dan juga konsep *religious coping* dalam psikologi agama. Dalam SDT, penggunaan al-Quran sebagai sumber healing mencerminkan gabungan keperluan psikologi untuk keterhubungan dengan Allah SWT dan keperluan kompetensi dalam mengurus tekanan dalaman. Apabila peserta merasai bahawa pembelajaran al-Quran membantu mereka mengawal simptom halusinasi dan

keresahan, mereka mengalami peningkatan perasaan berkeupayaan dan efektif dalam mengurus diri, yang seterusnya mengukuhkan motivasi intrinsik untuk meneruskan pembelajaran.

Selain itu, dapatan ini juga bertepatan dengan perspektif psikologi Islam kontemporari yang menekankan al-Quran sebagai sumber kestabilan mental dan kesejahteraan jiwa. Kajian kualitatif berkenaan pandangan al-Quran terhadap kesihatan mental menunjukkan bahawa prinsip-prinsip Qurani berkait rapat dengan pengurusan stres, pembinaan daya tahan (*resilience*), dan penjana harapan serta reda dalam kalangan Muslim (Nur Hidayah & Sharifah, 2021). Dalam konteks ini, pengalaman Informan P9, P10 dan P11 boleh difahami sebagai manifestasi praktikal pendekatan psikospiritual Islam di mana pengajian al-Quran menjadi medium integrasi antara rawatan rohani dan pembelajaran formal.

Secara keseluruhannya, subtema “Pembelajaran al-Quran sebagai Rawatan dan *Healing* Psikospiritual” mengukuhkan lagi gambaran bahawa motivasi intrinsik peserta dewasa di Dar al-Qari bukan sahaja digerakkan oleh niat ibadah dan tanggungjawab fardu ain, tetapi turut disokong oleh keyakinan terhadap peranan al-Quran sebagai sumber penyembuhan jiwa dan pengurusan beban psikologi. Dapatan ini memberikan implikasi penting kepada reka bentuk intervensi pedagogi, iaitu keperluan mengintegrasikan dimensi sokongan psikospiritual dalam pengajaran al-Quran bagi golongan dewasa yang berhadapan dengan cabaran kesihatan mental.

Kesan Motivasi terhadap Literasi Al-Quran

1. Penguasaan makhraj dan tajwid didorong oleh motivasi intrinsik

Motivasi intrinsik seperti niat ibadah (P2, P3, P7, P9) mendorong kesungguhan dalam penguasaan makhraj huruf dan kaidah tajwid. Peserta yang memahami bacaan betul sebagai fardu ain lebih tekun mengulang latihan makhraj dan tajwid di rumah, kerana mereka melihatnya sebagai penghormatan kepada kalam Allah. Naratif Informan 1 menunjukkan kesan ini:

“Saya rasa sangat gembira bila ustaz betulkan bacaan saya satu-satu, dulu saya baca ikut-ikut saja. Sekarang bila faham tajwid, rasa puas hati dan berani nak baca kuat sikit.” (P1)

Literatur mengesahkan bahawa motivasi intrinsik seperti kesedaran agama menghasilkan penguasaan tajwid yang lebih mendalam berbanding motivasi luaran kerana ia melibatkan komitmen untuk membaca dengan *haqqa tilawatibi*, iaitu bacaan yang betul dan ikhlas (Ayob et al., 2024; Abdul Hamid et al., 2025).

2. Istiqamah dan usaha berterusan dalam mengulang bacaan

Motivasi intrinsik (niat ibadah, sakinah) memastikan istiqamah *muraja'ah*. Peserta P2 dan P7 yang mempunyai "niat sendiri" dan "niat cari tempat mengaji" melaporkan kebiasaan mengulang bacaan harian, kerana mereka merasai ketenangan jiwa sebagai ganjaran dalaman.

3. Motivasi intrinsik mendorong pencarian makna ayat dan tafsir

Peserta dengan motivasi intrinsik tinggi (P2, P3, P7, P9) cenderung mencari maklumat tafsir dan konteks ayat selepas menguasai tilawah asas, kerana niat ibadah mereka tidak berhenti pada bacaan sahaja tetapi meluas kepada tadabbur. Seorang informan menyatakan bahawa selepas "faham tajwid", mereka mula bertanya *asbab al-nuzul* dan makna ayat untuk "perbaiki hubungan dengan Allah", menunjukkan peralihan daripada tilawah kepada *tafahhum* yang mendalam.

Dalam kerangka literasi al-Quran, dimensi “*Deep Meaning Comprehension*” (41.7% daripada analisis tafsir klasik) menekankan tadabbur sebagai inti kefahaman, yang didorong oleh motivasi intrinsik seperti rasa tanggungjawab dan penghayatan spiritual.

4. Perubahan tingkah laku, akhlak dan amalan seharian

Motivasi intrinsik menghasilkan perubahan tingkah laku yang nyata, seperti peningkatan penglibatan dalam majlis keagamaan. Informan P2 melaporkan peralihan daripada "malu nak

mengaji depan orang, majlis tahlil, baca Yasin pun saya elak” kepada "rasa lebih yakin, tak segan nak duduk dalam majlis macam tu”, menunjukkan aplikasi praktikal keyakinan bacaan dalam kehidupan sosial-keagamaan.

Peserta lain menggambarkan amalan seharian seperti membaca al-Quran secara rutin untuk mengurus anxiety (P10) dan halusinasi (P8), sekali gus mengintegrasikan *tathbiq* al-Quran sebagai strategi *religious coping* harian. Dalam dimensi literasi al-Quran, ini mencerminkan “*Transformative Practical Application*” di mana tilawah membawa kepada perubahan akhlak, etika dan peranan sosial yang lebih aktif.

5. Motivasi *ilahiyah* (keredaaan Allah) sebagai pemangkin *tathbiq*
Niat ibadah yang mantap (P2–P3, P7, P9) menjadi pemangkin utama *tathbiq*, kerana peserta melihat pembelajaran al-Quran sebagai “amanah” yang perlu diamalkan untuk mencapai keredaaan Allah. Seorang informan menyatakan bahawa pada usia lanjut, fokus beralih kepada “amalan yang betul” untuk menjadi “contoh kepada cucu-cucu”, menggabungkan motivasi ilahiah dengan aspirasi peranan model keagamaan.

Literatur tentang tafsir dalam kehidupan harian menegaskan bahawa motivasi ilahiah mendorong aplikasi nilai *Qurani* seperti kesabaran, ketenangan dan etika sosial, menghasilkan perubahan peribadi yang holistik (intelektual, emosi, spiritual dan praktikal) (Ab Alim et al., 2026).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa motivasi intrinsik bukan sekadar faktor sokongan, tetapi berfungsi sebagai struktur teras yang memastikan kesinambungan pembelajaran al-Quran dalam kalangan dewasa. Dominasi tema ini mencerminkan tahap internalisasi nilai yang tinggi, selari dengan konsep *integrated regulation* dalam kerangka *Self-Determination Theory* (Ryan & Deci, 2000). Keadaan ini menunjukkan bahawa pembelajaran al-Quran telah menjadi sebahagian daripada identiti sendiri peserta, bukan sekadar aktiviti tambahan bersifat ritual.

Analisis lanjut menunjukkan bahawa kepuasan hati dan pengalaman sakinah berfungsi sebagai ganjaran emosi dalaman yang memperkukuh ketekunan jangka panjang. Tilawah bukan sahaja menjadi aktiviti pembelajaran, tetapi turut berperanan sebagai mekanisme regulasi emosi harian. Di samping itu, nilai ibadah dan kesedaran fardu ain muncul sebagai amanah peribadi yang diinternalisasi secara mendalam, menghasilkan bentuk *integrated regulation* dalam kerangka SDT. Selain itu, dimensi cinta ilmu dan ruang refleksi peribadi yang digambarkan sebagai “*me time*” oleh peserta memperlihatkan unsur *intrinsic religious motivation* yang stabil dan tidak bergantung kepada pengiktirafan luaran.

Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa dominasi motivasi intrinsik dalam kajian ini mungkin dipengaruhi oleh latar belakang peserta yang majoritinya telah memasuki fasa pascapersaraan, di mana orientasi kehidupan lebih tertumpu kepada persediaan akhirat. Oleh itu, dapatan ini mungkin berbeza sekiranya melibatkan golongan dewasa pertengahan usia yang masih aktif dalam kerjaya.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa motivasi intrinsik merupakan struktur teras dalam pembentukan dan pengukuhan literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa di Dar al-Qari. Niat ibadah, kesedaran tanggungjawab fardu ain dan orientasi mencari keredaaan Allah SWT bukan sahaja menjadi pendorong awal penglibatan, bahkan berfungsi sebagai tenaga dalaman yang memastikan kesinambungan, ketekunan dan istiqamah dalam pembelajaran. Rasa sakinah dan kepuasan spiritual yang dialami semasa tilawah bertindak sebagai ganjaran intrinsik yang memperkukuh komitmen jangka panjang. Selain itu, pembelajaran al-Quran turut berfungsi sebagai medium

regulasi emosi dan *healing* psikospiritual bagi sebahagian peserta, sekali gus memperlihatkan integrasi antara dimensi pendidikan, ibadah dan kesejahteraan mental. Implikasinya, program pembelajaran al-Quran dewasa perlu dirancang dengan menekankan pembinaan makna, pengukuhan niat, suasana pembelajaran yang menyuburkan sakinah, serta elemen sokongan psikospiritual. Pendekatan sedemikian bukan sahaja meningkatkan tahap literasi dari segi tilawah dan *tafabbuh*, bahkan membentuk transformasi akhlak dan amalan yang berterusan. Sebagai cadangan lanjutan, kajian masa hadapan boleh melibatkan perbandingan antara kumpulan umur dan latar kerjaya yang berbeza bagi menilai variasi struktur motivasi, sekali gus memperkayakan lagi wacana literasi al-Quran dewasa dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia di bawah Geran Penyelidikan USIM-INDUSTRI dengan kod rujukan PPPI/USIM-INDUSTRI/FPQS/USIM/12424 dan dibiayai oleh Yayasan Dar al-Qari.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengarang pertama dan kedua sama-sama memberikan sumbangan signifikan dalam penulisan artikel ini. Pengarang pertama bertanggungjawab menghuraikan konsep, merancang reka bentuk kajian serta mengumpul dan menganalisis data; sedangkan pengarang kedua menyunting serta mengasah idea supaya perbincangan lebih konkrit dan teratur.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tidak berkenaan

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini melibatkan peserta kajian dalam kalangan warga dewasa di Dar al-Qari. Pengkaji telah memastikan langkah-langkah berkaitan etika penyelidikan telah dipatuhi khususnya dalam menjaga kerahsiaan dan data peserta kajian. Sepanjang penyelidikan dijalankan, pengkaji mendapat kebenaran dari pihak Dar al-Qari bagi menjalankan tajuk kajian tersebut.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Kecerdasan Buatan (AI) digunakan secara minimum khususnya dalam menterjemahkan abstrak dan sumber data dari kajian bahasa Inggeris.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Ab Alim, N. N. A., Kamaruddin, N. K., & Wahid, K. (2026). Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam. *Ulum Islamiyyah*, 38(1), 62–78. <https://doi.org/10.33102/uij.758>
- Abdul Hamid, M. F., Ahad, N., Meerangani, K. A., Hashim, S. N. I., Ab Ahmid, M. I. S., & Ab Arif, M. A. (2025). Community transformation through Quranic education: An evaluation of the effectiveness of the Smart Learning Al-Quran Program. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 1015–1024. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90700082>
- Adam, Z., & Ward, C. (2016). Stress, religious coping and wellbeing in acculturating Muslims. *Journal of Muslim Mental Health*, 10(2), 3–20. <https://doi.org/10.3998/jmmh.10381607.0010.201>
- Ali Hasan, A. R., Mohd Patel, I. F., Abd Ghani, A. R., & Jemali, M. (2017). Faktor motivasi dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(3), 13–20.
- Ayob, H., Mat Daud, S. S., & Razali, M. (2024). Nurturing Quran literacy: An exploration on proficiency level of reading Quran among UiTM Penang Branch students. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(4), 109–122.
- Brambilla, M., & Assor, A. (2020). Understanding the psychology of religion: The contribution of self-determination theory. In K. E. Vail III & C. Routledge (Eds.), *The science of religion, spirituality, and existentialism* (pp. 83–90). Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-817204-9.00007-X>
- Che Wan Mohd Rozali, W. N. A., Ishak, I., Mat Ludin, A. F., Ibrahim, F. W., Abd Warif, N. M., & Che Roos, N. A. (2022). The impact of listening to, reciting, or memorizing the Quran on physical and mental health of

- Muslims: Evidence from systematic review. *International Journal of Public Health*, 67, 1604998. <https://doi.org/10.3389/ijph.2022.1604998>
- Dewey, J. (1997). *Experience and Education*. New York: Touchstone. 25.
- Hardy, S. A., Nelson, J. M., et al. (2022). Adolescent religious motivation: A self-determination theory perspective. *The International Journal for the Psychology of Religion*, 32(1), 16–30. <https://doi.org/10.1080/10508619.2020.1844968>
- Kadir, M. A., Arifin, S., Latipun, L., & Fuad, A. N. (2016). Adult learners' understanding in learning Islam using andragogy approach: A study in Kampung Siglap Mosque and Al-Zuhri Higher Learning Institute. *Journal of Education and Practice*, 7(32), 1–10.
- Khair, Z., Yusoff, R. M., & Hamid, M. A. A. (2013). Divine motivation and adult learning. In *Proceeding Conference of Management Entrepreneurship and Technology (COMET)* (pp. 1-2). Universiti Teknologi Malaysia.
- Knowles, M. S. (1984). *The adult learner: A neglected species* (3rd ed.). Gulf Publishing.
- Knowles, M. S., Holton, E. F., & Swanson, R. A. (2015). *The Adult Learner* (8th ed.). Routledge.
- Moulai, K., Haghdooost, A. A., Bahaadinbeigy, K., & Dinari, F. (2023). The effect of the holy Quran recitation and listening on anxiety, stress, and depression: A scoping review on outcomes. *Health Science Reports*, 6(12), e1751. <https://doi.org/10.1002/hsr2.1751>
- Nik Abdullah, N. M. S. A., Mohd Sabbri, F. S., & Muhammad Isa, R. A. (2021). Tahfiz students' experiences in memorizing the Qur'an: Unveiling their motivating factors and challenges. *IJUM Journal of Educational Studies*, 9(2), 42–63.
- Nurkholifah, S. (2024). The role of Al-Qur'an literacy in deepening understanding of Islamic Religious Education. *AFKARINA: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 9(1), 47–60. <https://doi.org/10.33650/afkarina.v8i2.9357>
- Pauzi, M. N., Yahya, S., & Ralib, A. (2020). Faktor yang mempengaruhi motivasi komuniti setempat untuk mempelajari ilmu al-Quran di Institusi Pengajian Al-Quran. *Seminar Penyelidikan & Pendidikan 2015 Peringkat Kebangsaan*, 18–22.
- Rijan, M. H. M., Yakub, M. A., & Hassan, A. R. A. (2024). Kefahaman ayat al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(1), 1–12.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68–78.
- Selamat, A. Z., Selamat, A. M., Adnan, M. A., Hanafi, H. F., & A Shukor, K. (2021). Pengamalan nilai takwa sebagai elemen pembinaan jati diri dalam kalangan mahasiswa Muslim di IPT. *Firdaus Journal*, 1(1), 103–112. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol1.1.10.2021>
- Susanto, H., Sudarmadi, Saputro, A. D., Rois, A. K., & Munir, A. (2024). Analysis of Islamic education learning methods in view of Islamic educational philosophy: A study at Muhammadiyah Junior High School. *Halaqa: Islamic Education Journal*, 8(2), 125–134. <https://doi.org/10.21070/halaqa.v8i2.1693>
- Wan A. Halim, W. M. H., Abdul Manaf, A. J., & Abd Ghani, A. R. (2024). Analisis kesalahan sebutan huruf-huruf al-Quran dalam kalangan pelajar dewasa di pusat-pusat pengajian al-Quran zon utara Semenanjung Malaysia. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 14–22.
- Yayasan RI. (2023). *Dar Al-Qari: Program pengajian al-Quran untuk dewasa*. Yayasan Raudhatul Ilmi (<https://yayasanri.org/buletin/perasmian-al-qari/>)
- Ridzwan, Z. B., Husin, A. A., dan Ramli, I. B. (2025). Motivation and attitudes of Al-Qur'an readers among Malay adult readers. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(11), 5211–5217. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.91100413>